

ii. Projek Peningkatan Kapasiti Jalur Lebar Pinggir Bandar

Projek ini bertujuan untuk meningkatkan kapasiti jalur lebar di kawasan pinggir bandar bagi menyediakan perkhidmatan jalur lebar dengan kelajuan sehingga 20Mbps

iii. Projek Kabel Dasar Laut Sabah/Sarawak dengan Semenanjung Malaysia

Kapasiti jalur lebar diantara Sabah/Sarawak dan semenanjung Malaysia akan ditingkatkan dengan pemasangan kabel dasar laut yang baru dalam tempoh tiga tahun dan secara tidak langsung akan meningkatkan kualiti perkhidmatan jalur lebar

iv. Projek pelaksanaan Menara Telekomunikasi

1,000 menara telekomunikasi akan dibina dalam tempoh tiga tahun untuk meningkatkan liputan Internet di kawasan luar bandar.

Dengan terlaksananya inisiatif-inisiatif tersebut, kadar penembusan jalur lebar akan meningkat dan seterusnya menambah kadar penawaran dan permintaan daripada rakyat Malaysia.

Pelbagai panduan dan perbandingan mengenai pakej jalur lebar boleh didapati di portal pengguna yang disediakan Forum Pengguna Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CFM) iaitu di laman sesawang www.consumerinfo.my.

Pihak SKMM senantiasa memantau kadar dan perkhidmatan jalur lebar yang ditawarkan pihak pembekal perkhidmatan telekomunikasi bagi memastikan Malaysia berada di landasan yang betul dan seiring dengan negara-negara maju yang lain.